

27

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 14 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan prosedur untuk rakyat umum menyampaikan syor-syor mereka kepada Jawatankuasa Memperkasakan Mahkamah Syariah (JKMMS) di Malaysia.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha ke arah memartabatkan undang-undang Syariah sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan selaras dengan Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan.

Dalam hal ini, Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah (JKMMS) yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem perundangan Syariah secara holistik selaras dengan kedudukan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dr Mohd Yusof Noor.

Bagi melaksanakan objektif Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah ini, dua jawatankuasa pelaksana ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pemandu Memperkasa Mahkamah Syariah (Jawatankuasa Pemandu) dan Jawatankuasa Induk Memperkasa Mahkamah Syariah (Jawatankuasa Induk). Keanggotaan kedua-dua Jawatankuasa ini terdiri daripada tokoh-tokoh dalam negara yang pakar dalam pelbagai disiplin termasuklah mereka yang pakar dalam undang-undang Syariah dan undang-undang sivil.

Antara fungsi Jawatankuasa ini ialah membuat syor kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan Mahkamah Syariah termasuklah dari segi perundangan, pengurusan dan penstrukturan Mahkamah Syariah, latihan Hakim dan Pegawai Syariah, pendidikan undang-undang Syariah, penguatkuasaan dan pendakwaan dan hal ehwal peguam Syarie.

Mengenai prosedur rakyat umum untuk menyampaikan pandangan, cadangan atau syor mereka kepada Jawatankuasa Memperkasa Mahkamah Syariah ini, dimaklumkan mereka boleh menyampaikannya melalui pemimpin-pemimpin masyarakat iaitu

ahli Dewan Undangan Negeri atau ahli Parlimen di kawasan masing-masing memandangkan Yang Berhormat akan dijemput ke majlis sumbang saran yang dilaksanakan oleh Kluster yang diwujudkan.

Justeru itu, dengan adanya Jawatankuasa ini, usaha Kerajaan dalam memperkasa mahkamah Syariah dari pelbagai aspek dapat mencapai matlamatnya.

Sekian terima kasih.